

Lembu lahir anak kepala dua

UTUSAN
11/8/12

MARTAPURA, Kalimantan Utara - Kisah mengenai haiwan yang dilahirkan dalam keadaan luar biasa tidak pernah lekang di Indonesia.

Kali ini, seekor anak lembu di kampung Tulung Harapan, Martapura menjadi tumpuan media apabila haiwan itu dilahirkan dengan dua kepala.

Pemilik anak lembu itu, Jitan, 45, berkata, dia tidak perasan sebarang keanehan terhadap lembu betina yang melahirkan anak lembu aneh tersebut.

Malah katanya, dia berasa cemas apabila melihat keadaan aneh anak lembu tersebut yang mempunyai dua kepala.

"Satu daripada kepala anak lembu itu mempunyai gigi manakala satu lagi tidak bergigi.

"Namun anak lembu itu hanya mampu hidup selama dua jam sebelum mati," katanya.

Jitan berkata, lembu betina terbahit turut pengsan selepas melahirkan anaknya yang seberat lapan kilogram itu.

"Kejadian ini sungguh luar biasa dan ini merupakan kali pertama saya melihatnya," katanya. - AGENSI



KEADAAN aneh anak lembu dengan dua kepala sebelum mati dua jam selepas dilahirkan di Martapura, Kalimantan Utara.